

Sinar Harian - 5/4/22 (Selasa) - m/s: 5

Harga makanan sudah dimasak sukar dikawal - PM



FOTO: BERNAMA

Ismail Sabri (kanan) beramah mesra dengan para peniaga semasa melakukan tinjauan di Bazar Ramadan Putrajaya 2022 Presint 3 pada Isnin.

PUTRAJAYA - Kerajaan mengakui agak sukar untuk mengawal harga makanan yang telah dimasak berbanding barangan mentah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia berikutan tiada garis panduan berhubung perkara itu setakat ini.

"Kita serahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga melampau.

"Seperti yang disebut oleh Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bahawa peniaga boleh dikenakan tindakan mengikut bidang kuasa kementerian itu dan paling penting pengguna tidak ditekan," katanya selepas meninjau operasi Bazar Ramadan Putrajaya 2022 Presint 3 di sini pada Isnin.

Sementara itu, ditanya mengenai sambutan pengunjung terhadap bazar Ramadan, Ismail berkata, peniaga yang ditemuinya menyatakan ia sangat menggalakkan.

"Kalau kita lihat banyak gerai sudah kosong. Saya beli martabak pun sudah habis dan nampaknya jualan sangat bagus. Kita harap cuaca begini berterusan," katanya.

Menyentuh mengenai pematuan prosedur operasi standard (SOP), Ismail Sabri berkata, kesemua pengunjung memakai pelitup muka.

"Penjarakan fizikal sudah tidak diwajibkan pada 1 April namun kita masih perlu membuat kawalan sendiri bagi mengurangkan jangkitan Covid-19.

"Kalau terlalu sesak, elakkan kawasan tersebut dan ibu bapa yang membawa anak kecil juga harus bertanggungjawab terhadap kesihatan anak mereka," katanya.

lokal

Oleh Raja Noraina Raja Rahim, Suraya Roslan, Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohamed Farid Noh, Baharom Bakar, Essa Abu Yamin, Aizat Sharif dan Samadi Ahmad



Waktu Solat
Ibu Negeri Malaysia | 3 Ramadhan 1443H

FADILAT RAMADHAN
"Apabila sampai bulan Ramadhan, pintu-pintu syurga semua dibuka, pintu-pintu neraka pula ditutup dan diikat serta dibelenggu syaitan dan iblis."

Mari bersama berkongsi rezeki dengan menyertai pelan manfaat tambahan IKHLAS Rider dan IKHLAS Waqf & Endowment.

Kami Melindungi Anda

Anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad

IBU NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IBU NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KL/PUTRAJAYA	6:04	7:11	1:19	4:24	7:23	8:32	PULAU PINANG	6:07	7:14	1:24	4:25	7:28	8:38
SHAH ALAM	6:04	7:10	1:19	4:24	7:23	8:32	ALOR SETAR	6:07	7:14	1:24	4:24	7:29	8:38
SEREMBAN	6:02	7:11	1:17	4:23	7:21	8:30	K TERENGGANU	5:56	7:05	1:12	4:14	7:17	8:27
MELAKA	6:02	7:10	1:16	4:23	7:20	8:29	KOTA BHARU	6:00	7:08	1:16	4:17	7:21	8:27
JOHOR BAHRU	5:56	7:04	1:11	4:17	7:13	8:22	KUANTAN	5:58	7:07	1:14	4:18	7:17	8:26
IPOH	6:06	7:11	1:22	4:24	7:26	8:35	KANGAR	6:07	7:16	1:24	4:25	7:29	8:39



ORANG ramai beratur panjang menunggu giliran untuk memasuki Bazar Ramadan Putrajaya 2022 di Presint 3.

Kuala Lumpur

Kenaikan harga bahan mentah yang tinggi menyebabkan rata-rata peniaga bazar Ramadan tahun ini tidak ada pilihan lain selain menetapkan harga baharu untuk jualan mereka.

Tinjauan Harian Metro mendapati kebanyakan peniaga mengakui terpaksa menaikkan sedikit harga makanan bagi menampung modal perniagaan.

Bagaimanapun kenaikan harga makanan di bazar Ramadan masih dianggap berpatutan oleh orang ramai yang rata-ratanya memahami situasi peniaga.

Peniaga nasi tomato dan sate, Latifah Mohd Hassan, 58, berkata, dia terpaksa menaikkan harga jualan sate dengan peningkatan 20 sen manakala nasi tomato meningkat RM2 berbanding harga sebelum ini.

"Nasi tomato sekarang saya jual RM10 dengan satu per empat bahagian ayam berbanding RM8 sebelum ini."

"Manakala sate ayam RM1 berbanding 80 sen secucuk sebelum ini dan sate daging

Nak tampung modal berniaga

Kos bahan mentah tinggi menyebabkan peniaga bazar Ramadan tetapkan harga jualan baharu

pula naik kepada RM1.20.

"Kenaikan ini disebabkan kos bahan mentah mahal. Pembekal ayam dan daging lembu yang dibeli menaikkan harga dua bahan mentah itu.

"Lebih merumitkan lagi apabila pembekal beritahu bekalan ayam muda sudah tidak ada.

"Jadi saya terpaksa cari sendiri di beberapa pasar borong kerana saya gunkannya untuk jualan nasi tomato," katanya ketika ditemui di Bazar Ramadan Taman

Tun Dr Ismail (TTDI), kelmarin.

Beliau berkata,

situasi sama berlaku bagi harga sayuran yang turut mengalami kenaikan agak tinggi dan bahan kering seperti minyak masak, tomato puri serta cili kering.

Peniaga otak-otak di Bazar Ramadan TTDI, Mohd Muhaimin Md Aliman, 28, berkata, harga ayam yang meningkat di pasaran menyebabkan dia menaikkan harga jualan pepes ayam dari RM1 kepada RM1.10 manakala harga otak-otak dan satar ikan kekal.

"Kenaikan harga ini sudah bermula sejak bulan lalu. Jadi, kebanyakan pelanggan

gan sudah sedia maklum mengenainya.

"Saya bersyukur mereka menerima dengan baik kerana faham situasi dialami peniaga," katanya.

Sementara itu, peniaga di Bazar Ramadan Jalan Raja Muda Musa, Muhammad Azhari Ariffin, 32, mengakui terpaksa menaikkan harga jualan berikutan kenaikan harga barang mentah daripada pembekal.

"Saya tiada pilihan selain menaikkan harga makanan dengan peningkatan antara 50 sen hingga RM1 untuk setiap makanan.

"Jika tidak, kami peniaga tidak akan merasai sedikit keuntungan daripada hasil jualan," katanya.

Seorang peniaga di bazar Ramadan Batu Pahat, Zuraidah Abu Bakar, 37, berkata, jika tidak menaikkan harga jualan maka mereka tidak dapat menampung modal berniaga yang dikeluarkan.

"Macam saya berniaga hanya setahun sekali di bazar Ramadan dan begitu terasa dengan kesan kenaikan

harga barangan keperluan termasuk terpaksa mengeluarkan modal yang tinggi.

'Tak untung jika tak naik harga makanan'

"Selain dikenakan caj sewa tapak dan kanopi yang agak tinggi, saya juga terkesan dengan harga barang mentah yang naik secara tidak menentu ketika ini.

"Kalau saya tidak menaikkan harga makanan, memang langsung tidak akan dapat semula modal yang sudah dikeluarkan apatah lagi untung," katanya.

Bagi peniaga ayam bakar di Bazar Ramadan Batu Pahat, Mohd Azhar Abdullah Karim, 35, berkata, dia terpaksa menaikkan harga jualan menu ayam bakar dengan peningkatan 50 sen hingga RM1 mengikut bahagian-bahagian ayam seperti dada, paha, rangka dan lain-lain.

Seorang peniaga di bazar Ramadan Batu Pahat, Zuraidah Abu Bakar, 37, berkata, jika tidak menaikkan harga jualan maka mereka tidak dapat menampung modal berniaga yang dikeluarkan.

"Macam saya berniaga hanya setahun sekali di bazar Ramadan dan begitu terasa dengan kesan kenaikan

Ambil nombor giliran ke bazar

Putrajaya: Wajib ambil nombor giliran, berbaris sebelum dibenarkan membeli juadah makanan di bazar Ramadan di Presint 3 di sini.

Ini adalah antara prosedur operasi standard (SOP) bazar Ramadan ditetapkan Perbadanan Putrajaya (PPJ) bagi mengawal jumlah pengunjung di bazar berkenaan sekali gus mengelak penyebaran virus Covid-19.

Tinjauan di bazar Ramadan di Presint 3 di sini, semalam mendapati pengunjung berbaris di tiga pintu disediakan di luar bazar bermula jam 4.30 petang dan mematuhi arahan seperti memakai pelitup muka serta mendaftar melalui aplikasi MySejahtera sebelum dibenarkan masuk ke bazar.

Pengarah Bahagian Pelesenan PPJ, Jeffri Mustapa, berkata pihaknya menge-

luarkan sebanyak 1,500 pas kepada pengunjung dalam satu-satu masa yang dikawal anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Penguat Kuasa PPJ.

Ini bermakna PPJ hanya memastikan 1,500 pengunjung berada dalam bazar pada sesuatu masa manakala pengunjung lain perlu menunggu giliran di luar.

Katanya, penganjuran kali ini masih menggunakan SOP lama dan sebanyak 160 gerai ditawarkan kepada peniaga bermula hari ini sehingga 2 Mei dengan bayaran lesen RM850 sepanjang Ramadan.

"Penguat kuasa akan menjalankan pemeriksaan setiap hari dan sekiranya didapati ada peniaga yang menjual lesen kepada pihak lain, ia akan ditamatkan serta-merta," katanya di tapak Bazar Ramadan Presint 3 di sini, semalam.

Harga sayuran turut mengalami kenaikan agak tinggi

Stormy - 5/4/22 (Tuesday) - pg. 2

Fell tall tree on the verge of collapse, DBKL urged

IT IS nearly two months since Lee Ban Heang complained to Kuala Lumpur City Hall (DBKL) about a very tall tree that could collapse and damage her house.

Lee, who lives along Jalan Bukit Cheras 21/144A, said the local authority had yet to cut down the tree that was growing on a slope nearby.

She has neither been updated with any solution to the danger posed by the tree, which she claimed was six storeys high.

With the rainy season bringing thunderstorms and strong winds, Lee is worried the tree could fall anytime, if no action is taken.

"There is a big chance it will collapse one day into my garden shack after a downpour.

"Who is going to pay if the roof is damaged and take responsibility?"

"If it misses my roof, it could damage my neighbours' houses and the electric pole behind the house," she said.

Lee added that DBKL had said that the tree was not under its jurisdiction and when Alam Flora was contacted, a spokesperson said the same.

"DBKL said the tree is sturdy and won't collapse, unless there is lightning," she said.

In January, another tree collapsed into Lee's backyard.

She said DBKL cleared the fallen branches, but threw them onto a nearby slope.

— By JAYNE LOO



The tree, which is almost as tall as a six-storey building, looks like it can fall any time.
— LOW LAY
PHON/The Star